

TAHAP INTEGRITI DAN KESEDIAAN GURU DENGAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH RENDAH

DEGREE OF INTEGRITY AND AVAILABILITY OF TEACHERS WITH THE IMPLEMENTATION OF ASSESSMENT-BASED PRIMARY SCHOOL

Abdul Said Ambotang
Shanti Gobalakrishnan

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Emel: said@ums.edu.my, shan41@rocketmail.com

Accepted date: 9 February 2017, **Published date:** 5 July 2017

To cite this document:

Ambotang, A. S., & Gobalakrishnan, S. (2017). Tahap Integriti Dan Kesediaan Guru Dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Rendah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 2(4), 1-22.

Abstrak: Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan tahap integriti dan kesediaan guru dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara kesemua pemboleh ubah tidak bersandar (tahap integriti dan kesediaan guru) dengan pemboleh ubah bersandar (Pentaksiran Berasaskan Sekolah). Sampel kajian ini telah diperolehi daripada guru-guru sekolah rendah kebangsaan di daerah Tawau, Sabah. Sebanyak 360 sampel telah diperolehi oleh penyelidik untuk diuji dalam kajian ini. Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 22.0*. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap tinggi iaitu $r = 0.788$ di antara pemboleh ubah tahap integriti dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan sekolah, hubungan yang signifikan pada tahap tinggi $r = 0.818$ di antara pemboleh ubah kesediaan guru dari aspek pengetahuan guru dan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan sekolah. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan tinggi, kuat dan sangat ketara di antara kesediaan guru dari aspek kefahaman guru dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah $r = 0.852$.

Kata Kunci: Tahap Integriti, Kesediaan Guru, Penaksiran Berasaskan Sekolah, Profesion Perguruan

Abstract: *This study was undertaken to identify the relationship between the level of integrity and availability of teachers with the implementation of school-based assessment in primary schools. This study uses quantitative methods to determine the relationship between the independent variable (the level of integrity and availability of teachers) with the dependent variable (Based Assessment School). The sample was obtained from teachers' primary school in Tawau, Sabah. A total of 360 samples have been obtained by the investigators to be tested in this study. Each hypothesis was tested using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22.0. The study found a significant relationship at the highest level is $r = 0.788$ between the variable level of integrity the implementation of school-based assessment, a significant relationship at high level $r = 0.818$ between variables and teacher of the knowledge of teachers and the implementation of school-based assessment, The study also found that there was a high, strong and very significant between the willingness of teachers with teachers' understanding of aspects of the implementation of school-based assessment $r = 0.852$*

Keywords: *Level of Integrity, Availability teachers, implementation of school-based assessment, Teaching Profession*

Pengenalan

Pada zaman teknologi maju kini, kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat telah berusaha meningkatkan tahap pendidikan yang berkualiti kepada sesiapa yang ingin meningkatkan tahap pendidikan mereka. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membina modal insan guru berkualiti dengan hasrat ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh guru dapat digunakan dalam menjana masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Sistem persekolahan bukan sahaja berperanan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat semata-mata, bahkan ia merupakan saluran untuk menyampaikan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi perpaduan (Mohd Khairul Azrin, 2011). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan untuk peringkat Tahun Satu pada tahun 2011 telah mengguna pakai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) untuk mentaksir pembelajaran murid. Dalam pelaksanaan PBS pentaksiran formatif atau *assessment for learning* diberi penekanan utama untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dengan harapan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na'imah, 2011).

Kementerian Pendidikan menjelaskan bahawa PBS adalah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah. Pentaksiran dilaksanakan oleh guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor, direkod dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). PBS merupakan dasar yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh (holistik) terhadap pencapaian murid yang terangkum menerusi empat komponen pentaksiran iaitu Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Pusat (PP) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Konsep PBS bukanlah sesuatu baru, kerana pentaksiran inilah yang selama ini dilaksanakan oleh guru di sekolah.

Menurut Shaari (2008), guru perlu sentiasa sedia berhadapan dengan tekanan untuk menguasai pengetahuan isi kandungan mata pelajaran yang mereka ajar. Ini kerana guru pada masa kini memerlukan seseorang yang mempunyai banyak maklumat dan perlu bertindak balas terhadap perubahan yang berlaku terutama terhadap matlamat pendidikan yang semakin luas di samping jangkauan masyarakat yang semakin tinggi terhadap peranan sekolah. Seajar dengan profesion keguruan yang semakin mencabar dan menuntut daya fikir yang bukan sedikit, integriti guru merupakan suatu perkara yang sering mendapat perhatian pelbagai pihak.

Pernyataan Masalah

PBS ialah suatu proses mengumpul data murid serta perkembangannya oleh guru secara berterusan sama ada dari penilaian formatif atau sumatif dan juga aktiviti yang melibatkan pembentukan sahsiah individu seperti kegiatan kokurikulum, ko- akademik, latihan amali solat dan sebagainya. Sebelum adanya KSSR (2011), sistem pendidikan negara lebih menekankan kepada penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang terkandung dalam kurikulum KBSR dan juga KBSM. Selain dari itu, proses pengajaran dan pembelajaran guru lebih menjuruskan kepada peperiksaan berbanding melihat perkembangan pelajar melalui aktiviti sampingan selain dari bidang akademik.

Transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan mulai 2010 adalah dengan melaksanakan sistem penilaian murid berasaskan sekolah bagi mengatasi sistem pendidikan kini yang berorientasikan peperiksaan. Gelombang sistem pentaksiran negara jelas berubah apabila pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sekali gus memberi pelbagai impak dalam kalangan guru sekolah rendah. PBS juga merupakan satu usaha untuk membangunkan modal insan secara holistik melalui penekanan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual, pembudayaan sikap progresif dan pengamalan nilai, etika serta moral yang tinggi seperti tercatat di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Menurut Kadir (2012), lima komponen utama sebagai pelengkap dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) menjelang 2011 ialah Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik. KSSR digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan iaitu pernyataan yang lebih terperinci mengenai apa yang murid patut tahu dan mampu melakukannya seperti aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam satu tempoh pembelajaran. Standard Pembelajaran pula menetapkan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian murid yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.

KSSR ditadbir melalui modul-modul yang perlu dilaksanakan oleh guru untuk sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran dan dipersiapkan di dalam bentuk unit sendiri-lengkap (*self-contained*) yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenal pasti untuk dikuasai oleh murid. Walau bagaimanapun, pada 11 Februari 2014, KPM telah membuat keputusan untuk menangguhkan PBS dan mengkaji semula pelaksanaannya. Ini adalah kerana guru menyatakan bahawa mereka dibebankan dengan kesibukan mengisi dan merekodkan penilaian murid ke dalam sistem komputer berpusat yang menjadi bebanan kepada mereka, manakala ibu bapa pula tidak pasti bagaimana murid dinilai terutama murid tahun enam tahun 2016 yang merupakan kohort pertama melalui PBS. Penangguhan ini adalah untuk mengenal pasti permasalahan yang ditimbulkan ekoran daripada rungutan guru dan ibu bapa serta

mengambil langkah-langkah yang perlu dengan segera dalam penambahbaikan PBS. Ekoran dari kajian semula PBS, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan beberapa siri perbincangan dan pertemuan dengan kesatuan-kesatuan guru serta beberapa kelompok guru untuk mendapatkan maklum balas dan membantu dalam memberi input kepada penambahbaikan PBS.

LPM telah menyusun semula kerangka dan format pentaksiran peringkat nasional dan merancang untuk memantapkan aktiviti Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang telah sedia dilaksanakan dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk panduan perkembangan pembelajaran murid dan didokumentasikan.

Guru mengajar menggunakan Kurikulum Kebangsaan yang dibangunkan berdasarkan tema, tajuk atau kemahiran mata pelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Guru seterusnya mentaksir perkembangan pembelajaran murid berdasarkan pemerhatian dan penilaian mereka sendiri dengan merujuk kepada Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Walau bagaimanapun, kebanyakan guru masih kurang pengetahuan dan kefahaman dalam melaksanakan PBS. Setiap guru di sekolah menjalankan pentaksiran mengikut pengetahuan dan kefahaman secara individu. Ini disebabkan oleh kurangnya latihan dan pengalaman yang diterima oleh guru (Yasnizah dan Halim, 2011).

Selaras dengan perubahan fokus dan format pentaksiran ini, kompetensi guru juga perlu dipertingkatkan agar dapat menjalankan tugas secara profesional dan berwibawa. Salah satu faktor mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pentaksiran di sekolah adalah pengetahuan dan kefahaman serta integriti guru dalam bidang pentaksiran pendidikan. Di samping itu, pihak lembaga peperiksaan telah menyediakan sistem aplikasi *offline* untuk membantu guru seiring dengan program transformasi negara untuk menghasilkan modal insan yang bertaraf dunia. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi SPPBS secara *online* seperti sebelum ini.

Guru perlu merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline*. Walau bagaimanapun, guru perlu mengurus dan merekodkan penguasaan murid selain membuat pelaporan pencapaian murid dilihat memberi tekanan kepada guru apabila ada dalam kalangan guru kurang pengetahuan dan kefahaman bagaimana untuk mengaplikasikan modul *offline* ini. Guru juga merungut bahawa mereka kurang mempunyai masa untuk mengisi markah pencapaian murid mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak LPM. Ini adalah kerana guru perlu menyediakan instrumen dari *band* satu hingga *band* enam yang perlu diuji kepada murid dan perlu membuat permantauan di mana bilangan murid yang ramai sebanyak 40 hingga 50 murid dalam sesebuah kelas menyebabkan guru tidak mempunyai masa dan sekali gus meletihkan guru tersebut.

Ini menyebabkan ada dalam kalangan guru yang tidak menjalankan PBS tetapi mengisi pencapaian murid dalam modul *offline* murid tersebut. Kesukaran untuk mengakses sistem ini juga membuang masa guru dan menjadikan pengurusan masa yang tidak efisien (Maslin Adnan, 2014). Guru juga cenderung menggubal soalan tanpa menggunakan JSU sebagai panduan. Ini menyebabkan item-item soalan yang dibina tidak mempunyai kesahan standard dan mungkin juga tersasar daripada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Dalam pelaksanaan PBS ini, guru adalah individu terpenting yang akan menjalankan visi dan

menyampaikan ilmu dan kemahiran ini.”Tiada sistem pendidikan berjaya tanpa dedikasi dan iltizam guru dan guru besar. Tiada perubahan sebenar akan berlaku tanpa mengambil kira keperluan guru dan guru besar secara serius, tanpa mencari kaedah untuk memupuk dan mengekalkan kecermerlangan” (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Bagi memastikan kelicinan pelaksanaan PBS, guru seharusnya menggunakan Dokumen Standard Kurikulum yang mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran manakala Dokumen Standard Prestasi adalah rujukan utama untuk mentaksir dan mengukur penguasaan murid. Ketika inilah pelbagai persoalan yang berkait rapat dengan integriti guru dan kesediaan guru dari aspek kefahaman dan pengetahuan semasa pelaksanaan PBS akan timbul seperti adakah guru telus semasa melaksanakan PBS? Adakah guru hanya sekadar memasukkan tahap atau *band* murid tanpa melakukan pentaksiran? Adakah dokumen penguasaan murid yang dicetak dan dimasukkan ke dalam fail sebagai bahan bukti murid telah dinilai (Zainnuriyah Abdul Khatab, 2013).

Maka salah satu isu yang dibangkitkan dalam melaksanakan PBS adalah sejauhmana kredibiliti guru dalam mentaksir pencapaian pelajar? Adakah guru mempunyai integriti dalam melaksanakan PBS? Sejauhmanakah jaminan kualiti yang dilaksanakan oleh Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jurulatih Utama mampu menjadikan guru jujur dan integriti? Adakah terdapat ruang untuk guru melakukan manipulasi dari segi *evidens*? Adakah pentadbir di sekolah melihat PBS sebagai pentaksiran holistik murid atau budaya sekolah mengejar ranking menjadi keutamaan? Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mengenal pasti apakah tahap integriti guru dan kesediaan guru dari aspek kefahaman dan pengetahuan dalam PBS berasaskan KSSR.

Oleh itu bagi mencapai matlamat dan objektif pelaksanaan PBS ini tercapai, tahap integriti dan kesediaan guru amat memainkan peranan. Perubahan yang dialami dari kurikulum yang lama kepada yang baharu telah menimbulkan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah. Ini adalah kerana KSSR memberi penegasan kepada pelaksanaan kaedah PBS bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokan dan tidak terlalu berorientasikan kepada peperiksaan sahaja. Situasi ini menyebabkan para guru perlu membuat persiapan rapi untuk setiap sesi pengajaran kerana KSSR membolehkan pentaksiran itu dilakukan secara holistik serta guru perlu melihat perkembangan dan pencapaian murid secara individu.

Guru juga perlu mempunyai kesediaan mental yang kreatif dan inovatif. Justeru itu, guru ini telah dihantar mengikut kursus dan bengkel bagi mendapatkan tatacara menjalankan pembelajaran mengikut standard. Namun, adakah guru yang telah di hantar ini benar-benar telah menguasai kemahiran kurikulum ini? Apakah respon yang diberikan oleh guru tentang pelaksanaan PBS? Sebilangan guru yang dipilih untuk menghadiri kursus atau taklimat berkaitan PBS berpendapat bahawa sistem ini akan menjadikan pertambahan beban tugas guru. Selain dari itu, kecairan maklumat adalah tidak jelas dan selaras kerana ianya disampaikan melalui kursus dalam peringkat sekolah tanpa dipantau oleh pihak pegawai JPN masing-masing (Ismadiah Omar, 2012). Ini jelas terbukti apabila pengendalian sistem PBS di sekolah berbeza antara satu sama lain. Guru yang ditugaskan untuk mengajar mengikut sukatan kurikulum yang baharu juga merasa terbeban dengan silibus yang lebih menekankan pencapaian murid secara menyeluruh serta perlu mengikut standard yang telah ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan guru memberikan persepsi yang negatif terhadap sistem penilaian

untuk melihat perkembangan dan pencapaian murid. Justeru, pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dilihat sebagai cabaran baru kepada para guru dalam aspek integriti dan kesediaan golongan ini sebagai pelaksana (Maslin Adnan, 2014).

Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti perbezaan tahap integriti guru dalam pelaksanaan pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan faktor demografi.
- b) Mengenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan faktor demografi.
- c) Mengenal pasti hubungan tahap integriti guru dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- d) Mengenal pasti hubungan tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.
- e) Mengenal pasti hubungan tahap kesediaan guru dari aspek kefahaman dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu pada guru-guru sekolah rendah di daerah Tawau, Sabah yang dipilih secara rawak mencakupi tahap kesediaan dari aspek pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Reka Bentuk Kajian


Pada umumnya reka bentuk kajian bertujuan untuk membantu dan membimbing pengkaji ke arah mendapatkan maklumat yang diperlukan di dalam kajian. Kaedah tinjauan digunakan di dalam penyelidikan dengan cara pengumpulan data daripada kumpulan yang dikaji dengan menggunakan satu set soalan soal selidik. Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk deskriptif. Pendekatan kuantitatif diguna pakai bagi mendapatkan data yang diperlukan melalui instrumen kajian iaitu soal selidik. Melalui kaedah ini, ianya dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data yang diperoleh. Semasa menjalankan kajian, pengkaji menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini menggumpulkan jawapan terus dari subjek kajian, data dapat dikutip dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw 2006). Responden hanya perlu menyatakan keadaan sebenar berpandukan soalan yang disediakan.

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 2500 orang guru dari 59 buah sekolah rendah kebangsaan di daerah Tawau Sabah. Daripada populasi tersebut seramai 360 orang sampel dijadikan sebagai responden kajian ini. Jumlah sampel ini adalah menepati cadangan yang dibuat oleh Cohen, Manion dan Morrison (2001) berdasarkan jadual penentuan sampel yang telah dicadangkan. Menurut Cohen, Manion dan Morrison menyatakan saiz populasi sebanyak 2000 hingga 5000 memerlukan 322 hingga 357 sampel. Oleh yang demikian pengkaji telah membuat keputusan untuk mengedarkan 360 borang soal selidik setelah mengambil kira bilangan keciciran yang mungkin berlaku semasa proses pemungutan soal selidik dibuat. Menurut Mohd Najib (2003), sampel adalah sumber untuk mendapatkan data

kerana sampel sebenarnya mewakili keseluruhan populasi yang besar. Kesemua yang menjadi sampel kajian ini adalah dipilih secara pensampelan berstrata dan pensampelan secara rawak mudah.

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini direka bentuk berdasarkan kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Kajian ini mengenal pasti tahap integriti dan kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kefahaman dalam pelaksanaan PBS di sekolah rendah.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

Dapatan Kajian

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis data dan menyatakan dapatan kajian mengikut urutan soalan kajian. Pengkaji menunjukkan hasil kajian dalam bentuk jadual dan disertakan dengan penjelasan. Pengkaji turut menyatakan sama ada hipotesis yang dibina pada awal kajian diterima atau ditolak serta memberikan tafsirannya.

Dapatan Analisis Data Statistik Deskriptif

a. Tahap Integriti Guru

Penyelidik menganalisis 14 soalan mengenai tahap integriti guru daripada borang soal-selidik yang disediakan. Hasil dapatan kajian adalah analisis yang dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu menjawab soalan-soalan ini mengikut skala *likert* yang diwakili oleh Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

Jadual 1.0: Analisis Min dan Sisihan Piawai Tahap Integriti Guru

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sentiasa membuat persediaan rapi sebelum mengajar memastikan pertaksiran berjalan dengan lancar.	4.08	.566
2	Standard Prestasi membantu saya bagaimana aktiviti pentaksiran dapat dilaksanakan secara adil.	4.03	.667
3	Saya sentiasa bertanggungjawab menjalankan pertaksiran berasaskan Dokumen Standard Prestasi.	4.04	.625
4	Saya mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan PBS dalam kalangan murid saya.	3.53	.834
5	Saya sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi semasa menjalankan pertaksiran di bilik darjah.	3.89	.686
6	Saya sentiasa menyediakan soalan pentaksiran berpandukan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).	3.70	.771
7	Saya menyimpan rekod Perkembangan Pembelajaran Murid secara bersistematik.	3.90	.652
8	Saya sentiasa mempunyai kesedaran yang amat tinggi terhadap pelaksanaan PBS dalam kalangan murid saya.	3.89	.701
9	Saya menjalankan pertaksiran yang telus sebelum mengisi band di dalam Modul Offline.	3.97	.681
10	Saya selalu menganalisis pertaksiran yang dilakukan untuk tindakan susulan.	3.86	.663
11	Saya sentiasa merujuk kepada standard pembelajaran bagi memastikan pentaksiran dijalankan dengan lancar.	4.06	.644
12	Saya membuat persediaan rapi dalam penyediaan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan.	4.00	.657
13	Saya lebih yakin melaksanakan pentaksiran berpandukan kurikulum baru.	3.89	.690
14	Saya berasa selesa mengajar mata pelajaran yang saya ajar dengan perubahan sukatan pelajaran yang baru.	3.93	.691

Jadual 1.0, menunjukkan analisis min dan sisihan piawai tahap integriti guru. Berdasarkan Jadual, soalan pertama menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (**4.08**). Ini menunjukkan bahawa guru sentiasa membuat persediaan rapi sebelum mengajar memastikan pertaksiran berjalan dengan lancar. Dapatan kedua min tertinggi ialah soalan kesebelas (**.644**) yang menyatakan guru sentiasa merujuk kepada standard pembelajaran bagi memastikan pentaksiran dijalankan dengan lancar. Soalan kesepuluh menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (**3.53**) menunjukkan tidak ramai guru yang mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan pentaksiran dalam kalangan murid mereka..

b. Tahap Kesiapan Guru dari aspek pengetahuan

Penyelidik menganalisis 15 soalan mengenai Tahap Kesiapan Guru dari aspek pengetahuan daripada borang soal-selidik yang disediakan. Dapatan yang diperolehi adalah analisis yang dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu

menjawab soalan-soalan ini mengikut skala *likert* yang diwakili oleh Sangat Tidak Bersedia (STS), Tidak Bersedia (TS), Kurang Bersedia (KS), Bersedia (B) dan Sangat Bersedia (SB).

Jadual 2.0: Analisis Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesian Guru dari aspek Pengetahuan

Bil	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya bersedia untuk mengetahui tentang perkembangan pelaksanaan PBS di sekolah.	4.01	.635
2	Saya bersedia untuk melaksanakan pertaksiran di sekolah kerana pernah mengikuti kursus PBS.	3.91	.709
3	Saya bersedia untuk memotivasikan murid semasa melaksanakan pertaksiran di sekolah.	4.02	.624
4	Saya bersedia untuk melaksanakan PBS dalam kalangan murid saya.	4.00	.595
5	Saya bersedia menggunakan pelbagai kaedah pertaksiran bagi menarik minat murid.	3.98	.606
6	Saya bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan guru lain tentang PBS.	4.04	.673
7	Saya bersedia dalam melaksanakan PBS selepas satu kemahiran dikuasai oleh murid.	3.96	.632
8	Saya bersedia untuk mengendalikan pertaksiran di dalam kelas mengikut mata pelajaran yang diajar.	4.03	.617
9	Saya bersedia untuk membuat analisis pencapaian murid mengikut band yang diperolehi.	3.96	.621
10	Saya bersedia untuk meningkatkan penguasaan murid dalam subjek yang saya ajar.	4.07	.597
11	Saya bersedia dengan penggunaan modul offline murid.	3.97	.675
12	Saya bersedia untuk mengikuti kursus PBS bagi memantapkan pengetahuan.	4.07	.621
13	Saya bersedia melaksanakan pentaksiran berpandukan Dokumen Standard Kurikulum.	4.00	.649
14	Saya bersedia untuk memotivasikan murid saya untuk belajar subjek saya.	4.11	.590
15	Saya bersedia untuk mengendalikan ujian-ujian pentaksiran dalam kalangan murid saya.	4.05	.634

Berdasarkan Jadual 2.0, soalan keempat belas menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (**4.11**). Ini menunjukkan bahawa guru bersedia untuk memotivasikan murid untuk meneruskan pembelajaran murid serta menjayakan pengajaran guru. Soalan ketujuh dan kesembilan menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (**3.96**) menunjukkan guru tidak melaksanakan pentaksiran selepas setiap topik atau kemahiran setelah murid menguasai kemahiran tersebut dan guru juga tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat analisis pencapaian setiap murid mengikut band atau tahap yang diperolehi.

c. Tahap Kesian Guru dari Aspek Pengetahuan

Dalam aspek ini penyelidik menganalisis 14 soalan mengenai tahap Kesian Guru dari aspek pengetahuan daripada borang soal-selidik yang disediakan. Ianya adalah analisis yang

dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu menjawab soalan-soalan ini mengikut skala *likert* yang diwakili oleh Sangat Tidak Bersedia (STS), Tidak Bersedia (TS), Kurang Bersedia (KS), Bersedia (B) dan Sangat Bersedia (SB).

Jadual 3.0: Analisis Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesediaan Guru Dari Aspek Kefahaman

Item	Soalan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya bersedia memahami cara mengendalikan pertaksiran murid dalam bilik darjah.	4.00	.613
2	Saya bersedia memahami dengan jelas tentang Dokumen Standard Prestasi untuk menjalankan pertaksiran.	3.94	.640
3	Saya bersedia memahami cara memotivasikan murid saya untuk seronok belajar.	4.08	.612
4	Saya bersedia melaksanakan pertaksiran murid dengan menggunakan pelbagai teknik.	3.97	.628
5	Saya bersedia dalam mengaplikasikan pertaksiran semasa pengajaran sedang dilaksanakan.	3.96	.641
6	Saya bersedia memahami dalam mengendalikan bahan bantu mengajar bagi melancarkan pertaksiran murid.	3.98	.646
7	Saya bersedia memahami cara menggunakan komputer dalam proses pengisian pencapaian band murid.	4.02	.599
8	Saya bersedia memahami cara mengendalikan ujian-ujian mengikut band yang telah ditetapkan dalam Lembaga Peperiksaan.	3.98	.631
9	Saya bersedia untuk merujuk standard pembelajaran sewaktu menyediakan RPH.	4.11	.603
10	Saya bersedia merujuk standard kandungan sewaktu menyediakan RPH.	4.11	.621
11	Saya bersedia untuk memahami objektif PBS yang sedang dilaksanakan di sekolah.	4.05	.602
12	Saya bersedia untuk mengajar subjek yang diamanahkan dengan teknik yang mudah.	4.08	.599
13	Saya bersedia untuk berkongsi kefahaman saya dengan guru lain tentang PBS	4.04	.609
14	Saya bersedia dalam mengaplikasikan strategi pembelajaran dalam bilik darjah.	4.09	.574

Berdasarkan Jadual 3.0, soalan sembilan dan kesepuluh menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (**4.11**). Ini menunjukkan bahawa telah bersedia dan memahami untuk membuat rujukan standard pembelajaran dan standard kandungan sewaktu menyediakan rancangan pengajaran harian. Soalan kedua menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (3.94) menunjukkan guru masih belum memahami sepenuhnya dengan jelas tentang Dokumen Standard Prestasi untuk menjalankan pertaksiran.

Analisis Hipotesis

Hipotesis kajian adalah untuk melihat perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah. Hipotesis-hipotesis yang dibentuk adalah untuk mengukur perbezaan tahap integriti guru mengikut ciri demografi, mengukur perbezaan tahap kesediaan guru mengikut ciri demografi

dan menentukan hubungan di antara tahap integriti guru dan tahap kesediaan guru dengan pelaksanaan pentakisran berasaskan sekolah. Hasil dapatan dibentangkan secara terperinci seperti berikut: -

H₀₁ Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan Antara Tahap Integriti Guru Mengikut Ciri Demografi.

Oleh kerana di dalam kajian ini terdapat lima ciri demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, tempoh perkhidmatan dan kategori sekolah maka dibuat lima ujian yang berasingan dan hasilnya seperti berikut: -

Jadual 5.0: Keputusan Ujian *t* Bagi Tahap Integriti Guru Mengikut Jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	Signifikan
Lelaki	131	3.91	5.66	.138	0.019
Perempuan	229	3.90	4.66	.138	

Menurut Mohd Najib (2003), Ujian-*t* digunakan untuk menguji perbezaan signifikan antara min dua kumpulan. Ia digunakan untuk menguji wujudnya perbezaan di antara min satu pemboleh ubah bagi dua kumpulan sampel yang tidak saling bergantung. Di dalam kajian ini, min antara dua pemboleh ubah akan dibandingkan. Nilai "*p*" yang digunakan ialah 0.05 untuk menentukan aras signifikan bagi menguji hipotesis null, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan tahap integriti guru dari segi demografi jantina.

Analisis ujian-*t* pada Jadual 5.0, di atas menunjukkan skor min tahap integriti guru lelaki dan perempuan. Data menunjukkan terdapat perbezaan tahap integriti antara guru lelaki dengan guru perempuan. Ini dapat dijelaskan dengan skor min lelaki adalah 3.91 (N = 131, SP = 5.66) dan skor min bagi perempuan adalah 3.90 (N = 229, SP = 4.66). Perbezaan antara dua skor min adalah sangat kecil iaitu 0.01. Dapatan kajian mendapati nilai $p = 0.019 > \alpha 0.05$. Hipotesis nol berjaya diterima dan boleh disimpulkan bahawa tahap integriti guru lelaki dengan guru perempuan menunjukkan perbezaan yang signifikan.

H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap integriti guru mengikut umur.

Jadual 6.0 : ANOVA Tahap integriti guru berdasarkan umur

	Df	Min	F	Signifikan
Antara Kumpulan	4	.340	1.342	.254
Dalam Kumpulan	355	.253		

Keputusan ANOVA sehalu pada Jadual 6.0, menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [$F = 1.342$ (DK = 4, 355) dan Sig. $P = 0.254$] antara tahap integriti guru dengan umur pada aras $P > 0.05$. Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapatlah dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti guru berdasarkan umur.

H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru mengikut kelayakan Akademik

Jadual 7.0 : ANOVA Tahap Integriti Guru Berdasarkan Kelayakan Akademik

	Df	Min	F	Signifikan
Antara Kumpulan	4	.346	1.364	.246
Dalam Kumpulan	355	.253		

Keputusan ANOVA sehalu pada Jadual 7.0, menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [$F = 1.364$ ($DK = 4, 355$) dan $Sig.P = 0.246$] antara tahap integriti guru dengan kelayakan akademik pada aras $P > 0.05$. Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapatlah dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti guru berdasarkan kelayakan akademik.

H₀₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap integriti guru mengikut tempoh perkhidmatan

Jadual 8.0: ANOVA Tahap Stres Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan

	Df	Min	F	Signifikan
Antara Kumpulan	4	.386	1.527	.194
Dalam Kumpulan	355	.253		

Keputusan ANOVA sehalu pada Jadual 8.0, menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [$F = 1.527$ ($DK = 4, 355$) dan $Sig.P = 0.194$] antara tahap integriti guru dengan tempoh perkhidmatan pada aras $P > 0.05$. Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapatlah dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru berdasarkan tempoh perkhidmatan.

H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap integriti guru mengikut kategori sekolah

Jadual 8.0: ANOVA Tahap Stres Berdasarkan Kategori Sekolah

	Df	Min	F	Signifikan
Antara Kumpulan	4	.590	2.337	.098
Dalam Kumpulan	357	.253		

Keputusan ANOVA sehalu pada Jadual 8.0, menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [$F = 2.337$ ($DK = 4, 357$) dan $Sig.P = 0.098$] antara tahap integriti guru dengan tempoh perkhidmatan pada aras $P > 0.05$. Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapatlah dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Berdasarkan lima ciri demografi responden iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, tempoh perkhidmatan dan kategori sekolah disimpulkan bahawa ciri demografi jantina terdapat

perbezaan yang signifikan maka hipotesis berjaya ditolak manakala ciri demografi yang lain tidak ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap integriti guru dengan ciri demografi guru maka hipotesis yang dinyatakan ini gagal untuk ditolak.

H₀₆ Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tahap Integriti guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Jadual 9.0: Kolerasi Tahap Integriti Guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pemboleh ubah		PBS
Tahap integriti	Nilai Kolerasi (r)	.788**
	Nilai Signifikan (p)	.000

N = 360, P < 0.01

